

[Masa yang dicadangkan : 30 minit]

BAHAGIAN A

[30 markah]

Maklumat di bawah menunjukkan sebahagian daripada maklumat berkaitan sungai-sungai di Malaysia.

Berdasarkan maklumat tersebut, huraikan pendapat anda tentang **sungai**.

Panjangnya huraian anda hendaklah **antara 150 hingga 200 patah perkataan**.



[Masa yang dicadangkan : 1 jam 30 minit]

Bahagian B

[70 markah]

*Bahagian ini mengandungi **empat** soalan. Jawab **satu** soalan.*

*Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara **350 hingga 500 patah perkataan**.*

1.

PETALING JAYA: Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) menganggarkan kerugian dalam industri pelancongan di negara kita terus meningkat kepada RM165 bilion tahun ini, daripada anggaran kerugian sebanyak RM135 bilion pada tahun 2020 berikutan pandemik Covid-19. Bagi mencapai sasaran kemasukan 16 juta pelancong antarabangsa dan pendapatan sekurang-kurangnya RM45 bilion pada tahun 2025, pelbagai langkah yang berkesan perlu dilakukan.

Sumber : www.utusan.com.my/berita/2021/10/industri-pelancongan

Sebagai respons terhadap petikan di atas, huraikan langkah-langkah untuk memajukan industri tersebut.

2.

Dalam tempoh tiga tahun, penglibatan golongan belia dalam sektor pertanian menurun daripada 1,149 orang pada 2020 kepada 791 orang pada 2021. Penurunan ini mengundang kebimbangan kepada masyarakat kerana negara akan kekurangan penyertaan golongan belia dalam usaha memajukan sektor pertanian. Antara faktor yang menyebabkan masalah berlaku adalah disebabkan golongan belia beranggapan sektor pertanian memerlukan mereka bekerja dalam cuaca yang panas serta kurangnya galakan daripada ibu bapa.

Sumber : www.utusan.com.my/berita/2023/06/belia-tidak-minat-bidang-pertanian

Huraikan faktor-faktor yang menyebabkan masalah ini berlaku berserta faktor lain.

3.

Impian seorang jururawat untuk memiliki kereta utiliti sukan (SUV) Honda HRV bukan hanya tidak tercapai malah dia mengalami kerugian RM 10,300 selepas terpedaya dengan sindiket cinta siber. Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Pahang Supt. Mohd Wazir Mohd Yusof berkata bahawa jururawat itu hanya menyedari dirinya ditipu selepas menceritakan hal berkenaan kepada rakan-rakannya. Oleh yang demikian semua pihak perlu memainkan peranan masing-masing dalam usaha mengatasi jenayah siber ini.

Sumber : Dipetik daripada *Bernama* 10 Oktober 2019

Berdasarkan pernyataan di atas, bincangkan peranan-peranan tersebut.

4.

Kepimpinan di dalam kehidupan seseorang pelajar tidak dapat dipisahkan. Pelajar secara umumnya merupakan seorang pemimpin sama ada sebagai pemimpin kepada dirinya sendiri ataupun pemimpin kepada pelajar yang lain. Walau bagaimanapun tidak ramai dalam kalangan mereka yang menyedari senario ini. Pelajar pada umumnya masih beranggapan bahawa ciri-ciri pemimpin yang baik mestilah berketerampilan di samping mempunyai jawatan ataupun kedudukan di dalam sesebuah organisasi.

Sumber : <https://asyrafnordin.wordpress.com/kemahiran-keimpinan>

Selain ciri-ciri yang dinyatakan dalam petikan di atas, huraikan ciri-ciri lain seseorang pemimpin pelajar.

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT